

## **TAHAP KEFAHAMAN GURU BAHASA INGGERIS TERHADAP PEDAGOGI TERBEZA**

Aniza Yusoff

*[anizayusoff@yahoo.com.my](mailto:anizayusoff@yahoo.com.my)*

*Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu, Kelantan.*

### **ABSTRAK**

Pelaporan Kurikulum menunjukkan peratus pencapaian Bahasa Inggeris yang rendah dalam peperiksaan akhir tahun 2019 bagi sekolah rendah dalam PPD Kota Bharu. Fokus Analisa pencapaian ditumpukan kepada murid Tahun 6. Pencapaian murid berkait secara langsung dengan kaedah pengajaran guru di dalam bilik darjah. Murid-murid Tahun 6 menunjukkan prestasi yang lemah dalam Bahasa Inggeris terutamanya penulisan. Pencapaian murid-murid adalah pada tahap sederhana (65.00%). Objektif kajian ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran guru dalam PdP melalui aplikasi pedagogi terbeza. Penekanan diberikan kepada aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dengan memberi keutamaan kepada aktiviti berpusatkan murid. Dalam konteks ini, masalah pencapaian Bahasa Inggeris yang rendah didapati berpunca daripada kelemahan PdP guru Bahasa Inggeris di bilik darjah. Kaedah yang digunakan didapati kurang berkesan dan tidak menarik minat murid untuk belajar. Proses bimbingan guru secara pemerhatian bersemuka di dalam bilik darjah dan temubual. Pengkaji membuat pemerhatian semasa guru mengajar di dalam kelas. Selepas PdP dilaksanakan, sesi temubual dan perkongsian amalan dibuat. Pemerhatian kedua dilakukan selepas rawatan diberikan. Dapatkan menunjukkan bahawa Pedagogi Terbeza telah dapat membantu peningkatan kemahiran dalam kaedah mengajar guru. Guru telah dapat merancang satu sesi pengajaran yang berkesan dan melaksanakan aktiviti PdP dengan aktiviti-aktiviti berfokuskan murid yang menarik. Tahap keyakinan guru juga telah meningkat dan dapat menghasilkan video rakaman bagi sesi pengajaran yang telah dilaksanakan. Tahap pencapaian murid dalam Pentaksiran Bilik Darjah pada akhir 2020 didapati telah menunjukkan peningkatan yang sifnifikant. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mencadangkan bahawa Pedagogi Terbeza telah dapat membantu guru dalam meningkatkan tahap kemahiran melaksanakan PdP yang berkesan, menyeronokkan dan menarik minat murid.

**Kata kunci:** pedagogi terbeza; PdP; bimbingan; tahap kefahaman guru; pencapaian Bahasa Inggeris

### **ABSTRACT**

Curriculum Reporting shows a low percentage of English achievement in the final examination of 2019 for primary schools in PPD Kota Bharu. The achievement analysis is focused on Year 6 students. Student achievement is directly related to the teacher's teaching methods in the classroom. Year 6 pupils showed poor performance in English especially writing. Pupils' achievement is at a moderate level (65.00%). The objective of this study was to improve the skill level of teachers in PdP through differentiated pedagogical applications. Emphasis is given

to activities implemented by teachers by giving priority to student-centered activities. In this context, the problem of low English achievement was found to stem from the weakness of PdP of English teachers in the classroom. The method used was found to be less effective and did not attract students to learn. The process of teacher guidance through face-to-face observation in the classroom and interviews. The researcher made observations while the teacher was teaching in the classroom. After the PdP was implemented, interview sessions and practice sharing were made. A second observation was made after treatment was given. Findings indicate that Differential Pedagogy has been able to help improve skills in teachers' teaching methods. Teachers have been able to plan an effective teaching session and implement PdP activities with engaging student-focused activities. The level of confidence of teachers has also increased and been able to produce video recordings of teaching sessions that have been implemented. The level of student achievement in Classroom Assessment at the end of 2020 was found to have shown a significant improvement. As a result of this study, the researchers suggested that Differential Pedagogy has been able to help teachers in improving the level of skills in implementing PdP that is effective, fun, and interesting to students.

**Keywords:** differential pedagogies; PdP; guidance; teacher's level of understanding; English language achievement

## PENDAHULUAN

Guru menjadi peneraju dalam melaksanakan Pedagogi Terbeza di mana guru berperanan untuk memberikan pengalaman pembelajaran bermakna yang berterusan kepada murid. Kepelbagaiannya sekolah dalam sistem Pendidikan kini menuntut pendekatan pengajaran yang juga berbeza. Oleh itu, guru-guru haruslah menguasai pengetahuan pedagogi khususnya Pedagogi Terbeza. Pedagogi ialah disiplin yang berhubung rapat dengan teori dan amalan pengajaran dan bagaimana ia mempengaruhi pembelajaran murid. Ia juga berkait dengan proses penyampaian kandungan dalam konteks strategi pembelajaran yang berhubung dengan proses kognitif. Pedagogi Terbeza sangat penting kerana ia membabitkan penciptaan pelan pengajaran yang berkesan dan pelaksanaan pengajaran di bilik darjah dan pembelajaran dalam talian. Malaysia merencanakan pelan jangka masa panjang bagi memastikan pendidikan kebangsaan standing dan kekal relevan dengan pendidikan global (Danial, 2020).

## LATARBELAKANG KAJIAN

Penguasaan Pedagogi Terbeza dalam kalangan guru-guru Bahasa Inggeris adalah pada tahap minimum. Ini berdasarkan dapatan bimbingan yang dilaksanakan oleh Pegawai SISC+ hasil dari pemerhatian di dalam bilik darjah pada tahun 2019. Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah menunjukkan bahawa Bahasa Inggeris Penulisan menjadi mata pelajaran yang paling rendah peratus lulus dalam kalangan sekolah rendah di Pejabat Pendidikan Kota Bharu.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sebanyak 6 buah sekolah yang berada dalam kategori Build Foundation iaitu kategori sekolah yang menunjukkan penurunan dalam peratus pencapaian kecemerlangan sekolah selama tiga tahun berturut-turut telah diagihkan untuk bimbingan pengkaji. Sekolah-sekolah ini berada di bawah peratus pencapaian kecemerlangan di peringkat PPD. Hasil pemerhatian ke atas pengajaran guru di bilik darjah secara rawak pada tahun 2019 menunjukkan bahawa guru-guru masih lagi mengamalkan pengajaran berpusatkan guru. Soal selidik tentang tahap pengetahuan guru terhadap pedagogi Terbeza menunjukkan guru berada di tahap rendah. Oleh itu, satu kaedah bimbingan berfokus untuk membantu guru-guru menguasai Pedagogi Terbeza perlu dilaksanakan agar guru-guru ini dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif 1 – mengetahui sejauh mana pemahaman dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam kalangan Guru

Objektif 2 – mengetahui sejauh mana kemahiran guru tentang aplikasi digital dalam PdP

Objektif 3 – mengetahui sejauh manakah sikap guru terhadap aplikasi digital dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza

### **SKOP KAJIAN**

Kajian dilaksanakan di 6 buah sekolah rendah dalam PPD Kota Bharu. Peserta kajian terdiri daripada 6 orang guru Bahasa Inggeris Tahun 6 dari sekolah-sekolah tersebut.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini penting untuk memastikan guru-guru mendapat input mengenai Pedagogi Terbeza dan dapat mengamalkannya di dalam bilik darjah. Kepelbagaiannya kaedah, proses, produk dan persekitaran dalam pengajaran guru boleh membantu meningkatkan tahap kefahaman murid terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris dan dapat menarik minat murid terhadap pembelajaran serta terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **Pengenalan**

Pedagogi Terbeza merujuk kepada usaha untuk mempelbagaikan metodologi berdasarkan keperluan murid dan lingkungannya. Ia merupakan satu kerangka pedagogi yang mudah lentur untuk membolehkan murid belajar berdasarkan potensi dan persekitaran mereka. Terdapat empat aspek pedagogi terbeza iaitu terbeza kandungan, proses, produk dan persekitaran. Terbeza kandungan ialah kandungan diajar berbeza mengikut tahap murid. terbeza proses

bermaksud murid melaksanakan aktiviti yang sama tetapi melalui proses yang berbeza. Terbeza produk bermaksud murid yang berlainan menghasilkan produk yang berlainan.

### **Sorotan kajian lalu**

pendekatan pengajaran berbeza merupakan salah satu cara bagaimana guru boleh mengatasi kepelbagaiannya keperluan murid dalam proses PdP yang guru hadapi (Danial, 2020). Guru-guru diharapkan dapat memainkan peranan yang lebih baik dengan menzahirkan bilik darjah yang menarik minat murid. Pengetahuan dan tahap kemahiran guru dalam menyampaikan pedagogi terbeza perlu ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pendidikan masa kini dan akan datang.

Tahap pengetahuan guru Bahasa Inggeris terhadap pendekatan pengajaran terbeza adalah berada pada tahap sederhana rendah. Guru-guru belum memahami dengan mendalam pendekatan pengajaran terbeza dan sebahagian besar mereka belum menerima pendedahan bagaimana hendak melaksanakan pengajaran terbeza di dalam bilik darjah. Pelaksanaan pengajaran terbeza tidak banyak diaplikasi dalam PdP kerana guru kurang pengetahuan dan belum memahami dengan mendalam cara pelaksanaannya di dalam kelas (Danial, 2020). Guru perlu sentiasa bersedia dalam menerima perubahan dalam pendidikan masa kini. Kesediaan dan penerimaan terhadap amalan pengajaran terbeza oleh guru-guru dalam mengendalikan proses PdP merupakan satu pemboleh ubah yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan suatu pengajaran.

## **METODOLOGI**

### **Rekabentuk kajian**

Kajian ini adalah kajian kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan analisa dapatan bimbingan dan pementoran oleh pegawai SISC+ serta soal selidik yang diambil daripada instrumen pengesan Pengetahuan Pedagogi Terbeza guru yang digunakan semasa Bengkel Pedagogi Terbeza Zon Timur anjuran IPG Kampus Bahasa Kuala Lumpur pada tahun 2020.

### **Sampel kajian**

Kajian ini melibatkan pemerhatian di bilik darjah bagi 6 orang guru Bahasa Inggeris Tahun 6 di 6 buah sekolah yang berada pada tahap Build Foundation (peratus pencapaian menurun bagi tiga tahun berturut-turut berdasarkan pencapaian UPSR 2017-2019) yang berada dalam senarai sekolah bimbingan pengkaji.

### **Instrumen kajian**

Borang catatan bimbingan digunakan untuk mencatat dapatan semasa pemerhatian terhadap pengajaran guru di dalam bilik darjah. Soal selidik tahap kefahaman guru terhadap Pedagogi Terbeza dan amalan pelaksanaan juga digunakan dan ditadbir melalui Ujian Pra dan Ujian Pos.

### **Kaedah pengumpulan data**

Pemerhatian berlaku dalam 2 peringkat iaitu peringkat pra bimbingan dan pos bimbingan. Rumusan dapatan pemerhatian menunjukkan perbezaan dalam amalan guru sebelum dan selepas bimbingan dilaksanakan.

### **Analisis data**

Pengkaji telah mengadakan Bengkel Pedagogi Terbeza kepada guru-guru Bahasa Inggeris Tahun 6. Bagi mengenalpasti tahap kefahaman dan tahap pelaksanaan Pedagogi Terbeza oleh guru-guru, pengkaji telah melaksanakan Ujian Pra dan Ujian Pos kepada 6 orang guru yang dibimbing. Pengkaji juga meneliti data SKPMg2 Std.4 bagi 6 orang guru terlibat sebelum bimbingan dilaksanakan. Bagi melihat peningkatan standard kualiti guru, pengkaji melaksanakan analisis dokumen iaitu membanding skor SKPMg2 Standard 4 sebelum dan selepas bimbingan dilaksanakan. Skor SKPMg2 Std.4 guru menunjukkan peningkatan daripada Ini menunjukkan Pedagogi Terbeza telah dapat melonjakkan kualiti PdP guru. Pengkaji juga melaksanakan pemerhatian di dalam bilik darjah sebanyak dua kali. Sesi Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) menggunakan strategi Perkongsian Guru dilaksanakan selepas bimbingan dan pemerhatian di bilik darjah.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Pengenalan**

Kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru terhadap Pedagogi Terbeza. Sejauh mana guru dapat menyelesaikan isu yang timbul semasa guru melaksanakan pengajaran Pedagogi Terbeza, apakah intervensi yang dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran Pedagogi Terbeza dan apakah kekuatan guru dalam melaksanakan pengajaran Pedagogi Terbeza dapat dikenalpasti melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji dalam sesi bimbingan kepada guru-guru. Kelemahan guru-guru dalam mengaplikasikan Pedagogi Terbeza dipengaruhi oleh faktor kemahiran guru dalam penggunaan aplikasi digital semasa PdP dan juga sikap guru terhadap aplikasi digital dalam Pedagogi Terbeza..

#### **Tahap Pemahaman dan Pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam Kalangan Guru**

##### **Objektif 1 – mengetahui sejauh mana pemahaman dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam kalangan Guru Bahasa Inggeris**

Data Ujian Pra dan Ujian Pos telah menunjukkan peningkatan kefahaman guru bahasa Inggeris Tahun 6 dalam pemahaman dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza di dalam bilik darjah. Sebelum bengkel dan bimbingan di bilik darjah dilaksanakan, skor pemahaman guru berada pada skor 1 dan 2 sahaja. Ini menunjukkan guru-guru kurang memahami Pedagogi Terbeza dan tidak mengamalkannya semasa PdP.

Guru juga tidak dapat menerangkan kerangka Pedagogi Terbeza dan elemennya. Walaupun guru dapat menghuraikan tujuan Pedagogi Terbeza dalam PdP tetapi konsep huraihan sangat lemah di mana Ujian Pra menunjukkan guru berada di skor satu dan dua sahaja. Selepas bengkel dan bimbingan di bilik darjah dilaksanakan, skor telah meningkat ke skor 3 dan skor 4. Ini menunjukkan guru-guru terlibat telah dapat memahami konsep Pedagogi Terbeza dan melaksanakannya setelah diberi input berkaitan oleh pengkaji.

Jadual 1: Menunjukkan Skor Tahap Pemahaman dan Pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam Kalangan Guru.

BIL	Soalan	UJIAN PRA (Tahap Penguasaan)					UJIAN POS (Tahap Penguasaan)				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Guru dapat menjelaskan Pendekatan Pedagogi dalam PdP Bahasa Inggeris.	4	2				4	2			
2	Guru dapat menerangkan Kerangka Pedagogi Terbeza dalam PdP Bahasa Inggeris.		6					6			
3	Guru dapat menghuraikan tujuan Pengajaran Terbeza dalam PdP Bahasa Inggeris.	3	3				2	4			
4	Guru dapat membezakan elemen-elemen Pengajaran Terbeza dalam PdP Bahasa Inggeris.	6					4	2			

Sumber: Instrumen Pedagogi Terbeza IPGK Bahasa Melayu, 2020

### Kemahiran Guru Tentang Aplikasi Digital Dalam PdP

#### Objektif 2 – mengetahui sejauh mana kemahiran guru tentang aplikasi digital dalam PdP

Guru-guru Bahasa Inggeris yang menjadi sampel kajian ini menunjukkan skor 1 dan 2 bagi keseluruhan kemahiran tentang aplikasi digital dalam PdP. Mereka masih lagi selesa dengan kaedah tradisional di mana PdP dilaksanakan secara berpusatkan guru. Dapatkan daripada pemerhatian dan juga perbincangan Bersama-sama guru menunjukkan bahawa guru tidak berminat untuk mencuba menggunakan aplikasi digital dengan alasan tiada peralatan digital dibekalkan oleh pihak sekolah kepada mereka.

Guru menunjukkan minat untuk menggunakan bahan daripada YouTube untuk digunakan sebagai bahan PdP di bilik darjah. Namun ketiadaan gajet seperti komputer menyebabkan guru tidak mengamalkannya. Selepas bimbingan dilaksanakan, guru-guru mulai menggunakan aplikasi digital walaupun masih pada tahap sederhana iaitu pada skor 2. Komunikasi antara guru dengan pengkaji juga berlaku melalui emel. Guru juga mencuba untuk menggunakan Google Classroom untuk melaksanakan aktiviti tidak segerak bersama-sama murid. Skor yang dicapai dalam Ujian Pos menunjukkan peningkat ke skor 2 iaitu pada tahap sederhana.

JADUAL 2: Menunjukkan Skor Kemahiran Guru Tentang Aplikasi Digital Dalam PdP

<b>BIL</b>	<b>Soalan</b>	<b>UJIAN PRA (Tahap Penggunaan)</b>			<b>UJIAN POS (Tahap Penggunaan)</b>		
		1	2	3	1	2	3
1	Menggunakan aplikasi gmail untuk berkomunikasi	3	3			6	
2	Menggunakan aplikasi persembahan digital (MS Powerpoint/Google Slides)		6			6	
3	Menggunakan aplikasi Google Drive untuk perkongsian maklumat dalam pembelajaran		6			6	
4	Pautan bahan di Youtube untuk PdP	2	4			4	2
5	Menggunakan Google Meet untuk interaksi secara segerak.		6		2	4	
6	Menggunakan Google classroom untuk interaksi secara tidak segerak.		6		2	4	

Sumber: Instrumen Pedagogi Terbeza IPGK Bahasa Melayu, 2020

### **Sikap Guru Terhadap Aplikasi Digital Dalam Pelaksanaan Pedagogi Terbeza.**

**Objektif 3** – mengetahui sejauh manakah sikap guru terhadap aplikasi digital dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza

Sikap guru terhadap aplikasi digital menjadi punca kenapa Pedagogi Terbeza kurang dilaksanakan oleh guru-guru. Ini kerana guru-guru sangat fobia dengan peralatan digital dan tidak mahu mencuba. Guru-guru juga sering menyatakan bahawa mereka tidak diberi tunjuk ajar oleh pihak atasan dalam hal penggunaan alatan digital. Skor 1 dan 2 menunjukkan bahawa guru-guru sangat tidak memberikan perhatian serta tidak menunjukkan minat terhadap penggunaan alatan digital untuk membantu proses PdP di bilik darjah.

Selepas bimbingan di bilik darjah dilaksanakan sebanyak dua kali bersama-sama dengan PLC kepada panitia Bahasa Inggeris, terdapat peningkatan dalam sikap guru terhadap aplikasi digital. Guru mula mencuba untuk menggunakan aplikasi digital di dalam sesi PdP mereka dan menunjukkan perubahan sikap walaupun masih lagi berada pada skor 2 dan 3 iaitu skor rendah dan sederhana.

JADUAL 3: Sikap Guru Terhadap Aplikasi Digital Dalam Pelaksanaan Pedagogi Terbeza.

BIL	Soalan	UJIAN PRA (Tahap Penggunaan)					UJIAN POS (Tahap Penggunaan)				
		1	2	3	4	5	1	2	3	4	5
1	Guru suka menggunakan Google Classroom untuk menyelesaikan masalah dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza semasa PdP.		2	4				2	4		
2	Guru menggunakan aplikasi digital semasa proses PdP Pedagogi Terbeza dalam kelas.		2	4				2	4		
3	Guru yakin menggunakan aplikasi digital dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam kelas.		5	1					6		

Sumber: Instrumen Pedagogi Terbeza IPGK Bahasa Melayu, 2020

## Rumusan

Skor SKPMg2 Std.4 guru-guru menunjukkan peningkatan daripada skor 85.70 kepada 92.04 dengan purata peningkatan sebanyak 6.34. Ini menunjukkan bimbingan yang dilaksanakan oleh pengkaji membolehkan amalan Pedagogi Terbeza diamalkan oleh guru-guru dalam PdP mereka telah dapat melonjakkan kualiti PdP guru. Perubahan sikap terhadap penggunaan alatan digital untuk PdP juga berlaku di mana guru-guru mulai menunjukkan minat dan keberanian untuk mencuba gajet-gajaet baharu semasa melaksanakan PdP bagi mewujudkan aktiviti terbeza. Peningkatan yang berlaku merupakan petanda positif bahawa Pedagogi Terbeza akan dilaksanakan dan mampu dibudayakan dengan adanya sikap positif daripada guru.

## PERBINCANGAN

### Perbincangan dan rumusan kajian

Ujian Pra yang dilaksanakan menunjukkan tahap pemahaman dan pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam kalangan Guru Bahasa Inggeris sangat rendah pada peringkat awal sebelum bimbingan dilaksanakan. Peningkatan berlaku selepas bimbingan dan skor Ujian Pos telah menunjukkan peningkatan dari skor rendah ke skor sederhana.

Ujian Pra yang dilaksanakan untuk mengetahui sejauh mana kemahiran guru tentang aplikasi digital dalam PdP menunjukkan skor rendah dan guru tidak mempunyai kemahiran digital. Selepas bimbingan dilaksanakan, guru-guru mula menunjukkan perubahan dan lebih bersedia untuk belajar aplikasi digital. Ujian Pos menunjukkan skor meningkat dari rendah ke skor sederhana.

Untuk mengetahui sejauh manakah sikap guru terhadap aplikasi digital dalam pelaksanaan Pedagogi Terbeza, Ujian Pra dilaksanakan dan skor yang diperolehi adalah skor rendah. Ujian Pos yang dilaksanakan selepas bimbingan oleh pengkaji kepada guru-guru berkenaan menunjukkan peningkatan ke skor sederhana. Ini menunjukkan bahawa minat

manusia boleh dipupuk. Sekiranya ada motivasi, maka minat menjadi positif dan sikap juga turut berubah positif.

### **Keterbatasan kajian**

Kajian ini dilaksanakan ke atas 6 buah sekolah sahaja dan dapatannya tidak mewakili keseluruhan sekolah di dalam PPD Kota Bharu. Terdapat perbezaan dari segi tahap Pendidikan guru dan bilangan tahun mengajar yang membezakan tahap kompetensi guru dalam pengajaran.

### **Cadangan penambahbaikan**

Kajian ini boleh dijalankan secara lebih komprehensif dengan mengambil sampel kajian secara rawak dari kesemua sekolah rendah yang ada dalam PPD Kota Bharu bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih tinggi keesahan dan boleh digunakan sebagai rujukan. Kaedah kutipan data juga boleh ditambahbaik dengan menggunakan instrumen kajian kuantitatif bagi mengenalpasti dengan lebih mendalam tahap pengajaran Pedagogi Terbeza guru. Triangulasi data boleh dilakukan bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih komprehensif dan mempunyai keesahan yang lebih tinggi.

### **Kesimpulan**

Walaupun pelaksanaan pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza masih baru dalam kalangan guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah, namun dapatkan menunjukkan guru-guru dapat melaksanakannya dengan baik selepas bimbingan dan pementoran di bilik darjah dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan kandungan sedia ada guru-guru mempengaruhi keberkesanan amalan pendekatan pengajaran Pedagogi Terbeza. Kandungan kurikulum dan isi kandungan mata pelajaran Bahasa Inggeris yang diajar telah dikuasai oleh guru yang memudahkan amalan Pedagogi Terbeza diterapkan semasa pengajaran. Bimbingan dan pementoran perlu terus dilaksanakan dan diperluaskan kepada semua guru Bahasa Inggeris di PPD Kota Bharu bagi memastikan amalan Pedagogi Terbeza ini dapat dilaksanakan oleh semua guru. Kursus, bengkel dan komuniti pembelajaran profesional perlu dipergiatkan lagi. Latihan pembangunan profesionalisme berkesan perlu diberi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan pengetahuan dan amalan Pedagogi Terbeza oleh guru-guru di bilik darjah.

Pedagogi Terbeza perlu dilaksanakan oleh guru-guru bagi meraikan perbezaan dalam kalangan murid dan memberi ekuiti dalam pembelajaran. Murid-murid datang dari latar belakang Pendidikan yang berbeza, mempunyai kecerdasan pelbagai, hidup dalam latar belakang budaya yang berbeza. Guru-guru perlu mengenali murid masing-masing dengan mengadakan profil murid. Perlu juga dibuat pentaksiran bagi mengenalpasti keupayaan berbahasa murid, terutama dalam Bahasa Inggeris. Murid-murid mempunyai gaya pembelajaran yang tidak sama. Minat dan tempoh murid memberi perhatian juga berbeza dan sudah tentunya setiap murid mempunyai keperluan yang berbeza. Faktor-faktor ini menguatkan pendapat bahawa Pedagogi Terbeza mesti dilaksanakan oleh guru-guru di dalam bilik darjah.

## RUJUKAN

- Danial Arif (2020) *Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Yang Mengajar Di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3* ISSN: 2180-4842. Vol. 10, Bil. 2 (Nov. 2020): 29-42.
- Khairul Yusri. (2007). *Pelan Induk Pendidikan (PIPP)*, Kementerian Pelajaran Malaysia, Malaysia.
- Roa'ani Mohamed dan Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2019). Keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza (PPT) dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan: Satu Kajian Tindakan di Sebuah Sekolah di Kuantan. *Online Journal of Sciences and Management Research* 2600-738X, 68-86.
- Shareefa & Moosa / *Bibliometric Analysis on Differentiated Instruction*, European Journal Of Educational Research, Volume 9, Issue 1, 331 - 349. ISSN: 2165-8714  
<Http://Www.Eu-Jer.Com/>
- Taylor, P.C. & Wallace. (2007). *Contemporary Qualitative Research: Exemplar For Science And Mathematics and Technology Educators*. Dimuat Turun Pada 12 Ogos 2021 Dari [Https://Www.Academia.Edu/7418995/Multiparadigmatic\\_Transformative\\_Research\\_As\\_For\\_Teacher\\_Education\\_An\\_Integral\\_Perspective](Https://Www.Academia.Edu/7418995/Multiparadigmatic_Transformative_Research_As_For_Teacher_Education_An_Integral_Perspective)
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman dan Dyah Werdiningsih. (2020). Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajaran mereka. Kementerian Pendidikan Malaysia, Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (2020) (Malay Language Education Journal – Mylej)

### Sumber Internet

<https://resourced.prometheanworld.com/differentiation-classroom-7-methods-differentiation/>  
<https://Pdfcoffee.Com/Qdownload/Pedagogi-Terbeza-Pdf-Free.Html>  
<https://Fliphmt5.Com/Vihbp/Umww/Basic>

### Biodata Penulis

Aniza bt Yusoff. Pentadbir Kanan di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu, Kelantan. Aktivis sosial Kelantan yang berdedikasi. Seorang ahli Majlis Dakwah Negara Kelantan dan aktif dalam kegiatan professional dan kemasyarakatan.